



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**15 MAC 2021 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Harian Metro**

- Kekal Bawah 2000

8

**Sinar Harian**

- 1345 kes baharu , 4 kematian

10



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**15 MAC 2021 (ISNIN)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kekal Bawah 2000
Muka Surat	4

# Kekal bawah 2,000

Jangkitan baharu sebanyak 1,354 kes, empat kematian dicatat

Oleh Muhaamad Hafis  
Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Jumlah kes positif Covid-19 kekal mencatatkan penurunan di bawah 2,000 kes apabila 1,354 jangkitan baharu dilaporkan di seluruh negara, semalam.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di negara ini kepada 322,409 kes dengan 16,279 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada keseluruhan kes baharu, 1,340 adalah penularan tempatan membabitkan 1,042 warganegara dan 298 bukan warganegara manakala baki 14 lagi adalah kes import.

"Selangor mencatatkan kes tertinggi sebanyak 557 diikuti Sarawak (178), Pulau Pinang (154), Johor (121) dan Perak (101).

"Empat kematian baharu akibat Covid-19 direkodkan membawa kepada jumlah kumulatif 1,210 kes hingga kini," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 158 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan 71 orang memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Dalam pada itu, seramai 1,782 pesakit Covid-19 sembuh menjadikan jumlah kumulatifnya sebanyak 306,274 kes," katanya.



ORANG ramai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan dengan memakai pelitup muka ketika berkunjung ke pusat beli-belah Sunway Pyramid berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan bagi mengekang penularan Covid-19.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>15 MAC 2021 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	1345 kes baharu , 4 kematian
Muka Surat	

# 1,354 kes baharu, 4 kematian

*SH 15/3/2021 ms 10*

Oleh **MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM**

**SHAH ALAM**

Malaysia merekodkan sebanyak 1,354 kes baharu Covid-19 dengan empat lagi kematian baharu pada Ahad.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia bertambah kepada 323,763 kes dengan jumlah kumulatif kematian pula ialah 1,210 kes.

Katanya, kesemua kes kematian pada Ahad adalah melibatkan warga tempatan dengan dua daripadanya adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sarawak serta Selangor pula masing-masing merekodkan satu kes.

"Sementara itu jumlah kes sembuh baharu pada hari ini (Ahad) ialah sebanyak 1,782 kes dan menjadikan jumlah kes sembuh keseluruhan kepada 306,274 dengan peratusan sembuh 94.6 peratus.

"Sebanyak 158 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 71 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Dr Noor Hisham berkata, pecahan kes baharu pada Ahad terbahagi kepada 1,340 kes tempatan dan 14 kes import dengan jumlah kes yang masih aktif sebanyak 16,279 kes.

Menurutnya, terdapat tiga lagi kluster baharu dikesan pada Ahad dengan dua daripadanya adalah kluster tempat kerja dan satu kluster komuniti.

"Dua kluster baharu tempat kerja ialah kluster Jalan Mutalib Tiga (Johor) dan kluster Jalan Sutera (Selangor) manakala



**DR NOOR HISHAM**

satu kluster komuniti berlaku di Sarawak iaitu kluster Begalak.

"Sementara itu terdapat lima kluster yang tamat pada hari ini (Ahad) iaitu Kluster Batu 57, Kluster Jalan Kuala Selangor, Kluster Tanjung Megah, Kluster Tembok Renggam, dan Kluster Jalan Jelatek.

"Sebanyak 64 kes iaitu 4.7 peratus yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di penjara membabitkan Kluster Tembok Tapah 57 kes, Kluster Tembok Sungai Udang (2 kes),

Kluster Tembok Pengkalan Chepa (2 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (2 kes), dan Kluster Tembok Taiping (1 kes)," katanya.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal menjadi negeri yang merekodkan pertambahan harian tertinggi iaitu sebanyak 577 kes diikuti Sarawak (178 kes) dan Pulau Pinang (154 kes).

Katanya, jumlah kes baharu di negeri lain pula ialah Johor dengan 121 kes, Perak (101), Sabah (39), Terengganu, Kuala Lumpur (55), Negeri Sembilan (21), Kedah (33), Melaka (4), Kelantan (26), Pahang (5), Putrajaya (2) dan Labuan (1).